**BORANG PERTANDINGAN**
**BERBALAS PANTUN HARTA INTELEK 2016**
**23 – 24 APRIL 2016**
**No Faks: 03 – 8921 4114**

| | | | |
|---|---|---|---|
| **NAMA PENUH** | | | |
| **NO. KAD PENGENALAN** | | **TARIKH LAHIR** | |
| **JANTINA** | ☐ Lelaki | ☐ Perempuan | |
| **KETURUNAN** | | | |
| **TARAF PENDIDIKAN TERTINGGI** | ☐ Doktor Falsafah<br>☐ Sarjana<br>☐ Sarjana Muda<br>☐ Diploma<br>☐ SPM<br>Lain-lain :_______________________________ | | |
| **PEKERJAAN** | | | |
| **ORGANISASI** | | | |
| **ALAMAT SURAT MENYURAT** | | | |
| **NO TEL PEJABAT/RUMAH** | | **NO TEL BIMBIT** | |
| **ALAMAT EMEL** | | | |

**Pengakuan :** Bahawa saya sebagai peserta dalam pertandingan ini mengaku yang penyertaan saya adalah sukarela. Saya bersetuju mematuhi segala syarat dan peraturan yang ditetapkan oleh pihak penganjur. Saya juga bersetuju bahawa apa-apa keputusan hakim dan/atau pihak penganjur adalah MUKTAMAD. Saya dengan ini memberi akujanji untuk menjaga nama baik penganjur dan tidak akan melakukan apa jua tindakan yang memudaratkan atau menjejaskan nama baik penganjur sama ada secara lisan, melalui media cetak, media elektronik, media sosial atau apa jua lain-lain media. Saya akur bahawa perlanggaran mana-mana syarat dan peraturan pertandingan ini dan apa jua tindakan saya yang memudaratkan atau menjejaskan nama baik penganjur atau program ini akan menyebabkan penyertaan atau kemenangan saya TERBATAL dengan sendirinya.

Pendaftaran secara online di http://www.ukm.my/pik/

## SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN
## BERBALAS PANTUN HARTA INTELEK (KATEGORI TERBUKA)

1. Pertandingan akan diadakan dalam dua peringkat, iaitu peringkat saringan dan peringkat akhir pada tarikh, masa, dan di tempat seperti maklumat berikut:

| | | |
|---|---|---|
| **Peringkat Saringan:** | Tarikh: | 23 April 2016 |
| | Masa: | 8.00 pagi – 5.00 petang |
| | Tempat: | Rumah GAPENA, JKR 734, Jalan Dewan Bahasa, 50460 Kuala Lumpur. |
| **Peringkat Akhir:** | Tarikh: | 24 April 2016 |
| | Masa: | 8.00 pagi – 12.30 tengahari |
| | Tempat: | Panggung Seni, UKM Bangi, Selangor. |

2. Penyertaan terbuka kepada warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun dan ke atas.
3. Pertandingan diadakan secara berpasangan. Pasangan lawan akan ditentukan melalui undian giliran semasa pendaftaran. Pertandingan dijalankan secara kalah mati.
4. Pantun jual dan beli hanyalah pantun jenis empat kerat sahaja yang diterima. Dua kerat pembayang dan dua kerat untuk maksud.
5. Pantun dinilai dari segi penggunaan, tujuan atau tema yang dipersembahkan.
6. Tema pantun adalah khusus kepada harta intelek, tidak mengandungi unsur-unsur negatif serta tidak menyentuh sensitiviti kaum, bangsa, dan agama. Pantun dicipta boleh menggambarkan inovasi masyarakat Malaysia dalam kehidupan seharian seperti ciptaan idea baru, perlindungan harta intelek, cap dagangan, kreativiti dan keaslian karya, reka bentuk pemacu industri, petunjuk geografi, dan sebagainya.
7. Pantun yang dijual hendaklah berbalas mengikut tema atau persoalan yang dikemukakan.
8. Bahasa yang digunakan ialah bahasa persuratan (Baku). Markah akan dipotong sekiranya peserta menggunakan bahasa pasar, bahasa daerah atau bahasa asing yang mengelirukan pembeli.
9. Pertandingan ini dijalankan dalam bentuk sketsa. Dialognya berpantun (boleh diselang-selikan dengan dialog biasa, tetapi pantun tidak tenggelam). Perkara Ini dilakukan secara spontan berdasarkan tema yang telah ditentukan.
10. Masa berpantun minimum selama 8 minit dan maksimum selama 10 minit. Peserta dibenarkan berbincang sebelum pertandingan dijalankan untuk menentukan tema atau jalan cerita yang akan dipersembahkan.
11. Pemantun tidak memerlukan prop. Pakaian perlulah sesuai dengan suasana pantun.
12. Pemenang secara individu ditentukan melalui kecekapan berpantun dan kelancaran berkomunikasi berdasarkan tema yang ditetapkan.
13. Skema pemarkahan adalah seperti yang berikut:

| BIL | KRITERIA | PERATUSAN |
|---|---|---|
| a | Isi | 40% |
| b | Mesej yang jelas | 30% |
| c | Cara berpantun (gaya, intonasi suara, adab) | 20% |
| d | Keindahan persembahan keseluruhan | 10% |
| | **JUMLAH KESELURUHAN** | **100%** |

14. Keputusan pengadil adalah muktamad.